UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR

## JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)

### 1. PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27 (TETAP : KEKOSONGAN 1 DAN KONTRAK : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji RM1,362.00 (Minimum) - RM5,092.00 (Maksimum)

Kelayakan:

(a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji Permulaan: RM1,362.00)

(b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji Permulaan: RM1,362.00)

(c) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji Permulaan: RM1,661.95)

(d) Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan: RM1,737.15)

dan (e) kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Lantikan Tambahan**

**a) Bagi jawatan yang ditawarkan di Kampus Gambang iaitu di Unit Pengurusan Governan Jabatan Pendaftar (Jawatan Tetap) dan Pejabat Antarabangsa (Jawatan Kontrak).**

**b) Keutamaan kepada calon memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.**

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**SYARAT-SYARAT UMUM**
Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**TARAF JAWATAN**
Jawatan akan dilantik secara **tetap ataupun kontrak.**

**PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**
Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

**UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**
Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**CARA MEMOHON**
Permohonan hendaklah dibuat secara ***Online*** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu ***http://www.ump.edu.my***. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan *Online* (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara ***Online*** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat. Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

**PENDAFTAR**
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,**
**LEBUHRAYA TUN RAZAK,**
**26300 GAMBANG, KUANTAN,**
**PAHANG DARUL MAKMUR**
**(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,**
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

**CATATAN AM**
(a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
(b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
(c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN**
**Pada 27 Januari 2014.**

**TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN**
**Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, *http://www.ump.edu.my* adalah pada 3 Februari 2014.**